

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 30.01.2026 MASA: 6.00PTG

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA  
2026 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**4 FEBRUARI 2026 (RABU)  
8.30 PAGI**

**AUDITORIUM MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

*Bismillahir Rahmanir Rahim*

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia  
MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam sebuah majlis yang amat signifikan, iaitu **Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 Peringkat Negeri Pulau Pinang**.
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying**, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, atas kesudian hadir seterusnya merasmikan majlis kita pada hari ini. Kehadiran Yang Berhormat bukan sahaja menyuntik semangat, malah menjadi simbol kepercayaan Kerajaan Persekutuan terhadap peranan strategik Kerajaan Tempatan dalam agenda pemerkasaan wanita.
3. Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada **Yang Berusaha Dr. Faridah binti Awang**, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWKM); para dif kehormat, serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang hadir memeriahkan majlis ini.

Hadirin yang dihormati,

4. **Hari Wanita Antarabangsa**, yang diraikan pada **8 Mac** setiap tahun, bukan sekadar satu tarikh dalam kalendar global. Ia adalah **naratif perjuangan, simbol ketabahan, dan pengiktirafan terhadap sumbangan wanita** yang telah membentuk wajah masyarakat, ekonomi dan tamadun dunia.
5. Di Malaysia, tradisi sambutan Hari Wanita Kebangsaan yang diraikan pada **25 Ogos** turut mencerminkan penghormatan kita terhadap sejarah panjang perjuangan wanita tanah air sejak awal tahun 1960-an. Ini membuktikan bahawa agenda pemerkasaan wanita bukan agenda bermusim, tetapi **agenda nasional yang berterusan**.
6. Justeru, Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 ini menjadi medan penting untuk kita **mengangkat suara wanita**, meraikan pencapaian mereka, serta membincangkan realiti semasa; daripada peluang ekonomi, kepimpinan, kesejahteraan keluarga, hinggalah cabaran dunia digital yang semakin kompleks.
7. Penganjuran **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026** ini secara jelas mencerminkan komitmen Kerajaan untuk:
  - a) **Mengiktiraf dan menghargai peranan wanita** sebagai pemacu pembangunan negara;

- b) **Mendaya upaya penglibatan semua pihak** dalam usaha pemerkasaan wanita;
- c) **Menyebarluas maklumat dan pengetahuan** berkaitan peluang, isu dan cabaran wanita masa kini; serta
- d) **Mempamerkan komitmen Kerajaan terhadap kesaksamaan gender**, sejajar dengan aspirasi **Malaysia MADANI** yang berteraskan nilai ihsan, keadilan dan kesejahteraan.

8. Ini bukan sekadar dasar di atas kertas, tetapi satu **iltizam bersama** yang menuntut pelaksanaan berani, berfokus dan berimpak tinggi.

Hadirin sekalian,

9. Pemilihan **MBSP** sebagai rakan strategik penganjuran Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 Peringkat Negeri Pulau Pinang adalah satu **pengiktirafan yang amat kami hargai**.
10. Kerjasama julung-julung kali antara **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWKM)** melalui **Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang (PPWNPP)** bersama **MBSP** ini melambangkan **kesepaduan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Tempatan** dalam menyampaikan agenda pemerkasaan wanita secara lebih dekat dengan komuniti.
11. Lebih membanggakan, sambutan ini diadakan **khusus untuk meraikan sumbangan kakitangan wanita MBSP**; wanita-wanita luar

biasa yang berada di barisan hadapan penyampaian perkhidmatan bandar, yang mengimbangi tugas profesional dengan tanggungjawab keluarga, dan terus berkhidmat dengan penuh dedikasi serta integriti.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. MBSP percaya bahawa **kesaksamaan gender bukan slogan**, tetapi perlu diterjemahkan melalui **dasar, bajet dan tindakan**. Sehubungan itu, MBSP telah mengambil langkah progresif melalui pelaksanaan ***Gender-Responsive Budgeting (GRB)*** dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan bandar.
13. Pendekatan ini memastikan keperluan wanita, kanak-kanak, warga emas dan golongan rentan **diambil kira secara sistematik**, sekali gus menjadikan pembangunan bandar lebih inklusif, adil dan mampan.
14. Inilah komitmen kami di MBSP; membina bandar bukan sahaja dengan konkrit dan infrastruktur, tetapi dengan **nilai kemanusiaan, empati dan keadilan sosial**.

Hadirin yang saya muliakan,

15. Wanita hari ini bukan lagi sekadar penerima dasar; **wanita adalah pencipta perubahan**. Mereka memimpin organisasi, membina ekonomi keluarga, mencorak komuniti, dan mencetus inovasi dalam era digital.

16. **Harapan saya**, agar Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 ini tidak berakhir sebagai sebuah acara, tetapi menjadi **titik tolak kesedaran kolektif**; bahawa setiap dasar yang kita gubal, setiap bajet yang kita luluskan, dan setiap keputusan yang kita buat **mesti dilihat melalui lensa kesaksamaan gender**.
17. Saya juga berharap agar wanita di Seberang Perai dan Pulau Pinang keseluruhannya **terus berani melangkah ke hadapan**, memperkukuh kepimpinan, menguasai ekonomi digital, dan menjadi agen perubahan yang membina masa depan negeri serta negara.
18. Kepada para wanita, ketahuilah bahawa **suara anda penting, peranan anda signifikan, dan sumbangan anda tidak ternilai**. Dan kepada para lelaki, jadilah **sekutu yang menyokong**, kerana kemajuan wanita adalah **kemajuan masyarakat seluruhnya**.
19. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada **KPWKM, PPWNPP**, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, serta semua pihak yang telah menjayakan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 ini.
20. Semoga usaha murni ini diberkati Allah SWT dan menjadi pemangkin kepada sebuah masyarakat yang **lebih inklusif, adil dan sejahtera**, selaras dengan aspirasi **Penang2030** dan **Malaysia MADANI**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***